SIDANG AKADEMIK 2021/2022 SEMESTER I

PPK 332/4 PENDIDIKAN KHAS PERINGKAT AWAL KANAK-KANAK

TUGASAN GANTIAN PEPERIKSAAN AKHIR 30%

Sam ialah seorang kanak-kanak Sindrom Down berumur 2 tahun. Pilih tiga aktiviti intervensi yang sesuai untuk Sam mengikut domain perkembangan yang berbeza. Ulaskan fungsi aktiviti dan langkah pelaksanaan.

DISEDIAKAN OLEH:

NUR ATHIRAH BINTI ABDULLAH SANI

145855

DISEDIAKAN KEPADA

DR. LOW HUI MIN

TARIKH PENGHANTARAN

17 FEBRUARI 2022

(KHAMIS)

PENGENALAN

Sindrom Down ditafsirkan sebagai suatu keadaan abnormal disebabkan oleh ralat dalam maklumat genetik yang diwarisi dari sel induk. Justeru, Sindrom Down dikaitkan dengan penyakit keturunan disebabkan oleh terdapat gangguan kromosom yang berlaku hasil dari penggandaan semua atau sebahagian dari kromosom 21. Sehubungan itu, ketidakupayaan ini telah menjejaskan perkembangan intelektual dengan purata darjah kecerdasan antara IQ:50-69 dan kelainan dari segi ciri-ciri fizikal. Merujuk kepada laporan *Devolopmental Scale for Children with Down Syndrome* menjelaskan perkembangan kanak-kanak Sindrom Down berusia dua tahun sudah memiliki tahap pemahaman bahasa yang jelas seperti mengetahui kata nama dan kata kerja serta mempunyai hubungan interpersonal yang baik namun kemahiran anggota artikulasi yang masih lemah. Justeru, mereka akan diberikan intervensi awal iaitu suatu proses pemberian perkhidmtan, pendidikan dan sokongan kepada kanak-kanak yang berisiko mengalami kelewatan dalam perkembangan mental, fizikal dan pencapaiaan akademik. Secara amnya, perkembangan kanak-kanak terbahagi kepada lima domain utama iaitu adaptif, kognitif, komunikasi, fizikal dan sosio-emosi.

FUNGSI AKTIVITI INTERVENSI & LANGKAH PELAKSANAAN

Intervensi yang pertama mengikut domain perkembangan komunikasi ialah aktiviti **mengenalpasti ekspresi wajah**. Aktiviti ini dijalankan kerana, pada usia kanak-kanak yang masih muda, kanak-kanak mewujudkan komunikasi awal bersama penjaga menerusi luahan emosi secara bukan lisan seperti menangis, takut dan teruja. Aktiviti mengenalpasti ekspresi wajah ini **berfungsi** untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang pelbagai jenis tindak balas emosi yang penting bagi kanak-kanak mengenali perasaan sendiri agar mudah untuk dituturkan dan juga berupaya menganalisis perasaan orang lain yang membantu kelancaran proses komunikasi. Di samping itu, aktiviti ini berperanan meningkatkan kemahiran interaksi sosial secara lisan dan bukan lisan menerusi pendengaran serta penglihatan emosi yang ditunjukkan. Hal ini kerana, mimik wajah yang diperkenalkan turut dikenali sebagai "*social tools*" yang berfungsi memanipulasikan perjalanan interaksi sosial, tujuan utama untuk bertutur dan menggambarkan permintaan semasa berkomunikasi. Menerusi aktiviti ini juga berfungsi melatih Sam untuk menyesuaikan ekspresi wajah dengan setiap perkara yang dibicarakan bagi meningkatkan kefahaman dalam komunikasi dua hala. Sebagai contoh, Sam berupaya meluahkan rasa sedih secara lisan kepada ibu bapa apabila permintaanya tidak dipenuhi. Pada masa yang sama, gambaran emosi semasa berkomunikasi berpotensi untuk membantu Sam mengembangkan lagi kemahiran berbahasa dengan lebih baik.

Langkah pelaksanaan aktiviti ini ialah ibu bapa akan menyediakan 5 gambar rajah emosi asas seperti marah, sedih, takut, gembira dan teruja. Ibu bapa akan menyatakan setiap ekspresi wajah ini menggunakan gerak isyarat tangan dan mimik muka bersesuaian untuk membantu ingatan visual. Kemudian, Sam akan ditanya apakah perasaan Sam pada hari ini dengan menunjukkan pada gambar emosi. Sekiranya Sam menyatakan bahawa Sam gembira pada hari ini, ibu bapa boleh memulakan komunikasi dengan menanyakan kenapa anda gembira bertujuan mengalakkan kemahiran bertutur. Seterusnya, selepas perbualan Sam diminta untuk memadankan gambaran emosi mengikut mimik wajah animasi yang ditunjukkan dan ibu bapa akan bertanya kenapa watak itu sedih? dan apa yang berlaku kepadanya?

Aktiviti seterusnya untuk domain perkembangan kognitif iaitu keupayaan menjalankan tugasan yang bersifat intelek ialah **"*Sign it and Say it*".** Aktiviti ini mengutamakan penggunaan bahasa oleh kerana Benjamin Lee Whorf menyatakan kualiti pemikiran ditadbir oleh kemampuan berbahasa yang baik. Sehubungan itu, **fungsi aktivti *Sign it and Say it*** ialah penggunaan bahasa isyarat membantu kanak-kanak memberi tumpuan semasa belajar serta membina presepsi asas untuk memberi makna tentang sesuatu informasi dengan mudah. Hasil penulisan oleh Dr. Wieder menerusi bukunya *Visual Spatial Portal to Thinking* menjelaskan rangsangan visual-ruang dari formasi tangan telah meningkatkan fungsi kognitif untuk menyusun maklumat menerusi gambaran imej. Manakala latihan mengungkapkan semula perkataan (*Say it*) bertujuan meningkatkan kemahiran membaca suku kata dan penambahan kosa kata. Hal ini kerana, kemahiran berbahasa yang diterapkan dalam aktiviti ini memainkan peranan penting kepada Sam untuk menggunakan kemahiran lisan bagi membimbing apa yang mereka fikirkan semasa proses pembelajaran. Di samping itu, aktiviti ini juga berfungsi memberi rangsangan pancaindera seperti pendengaran dan penglihatan untuk perkembangan kognitif iaitu menurut aktikel *Signed or Spoken to Support Cognitive Development* menyatakan simbol isyarat bukan sahaja sesuai untuk kanak-kanak dengan masalah pendengaran namun penting kepada kanak-kanak Sindrom Down mempelajari pelbagai bahasa untuk perkembangan kemahiran penaakulan, ingatan dan penyelesaiaan masalah yang lebih baik.

Langkah pelaksanaan aktiviti *Sign it and Say it* ini ialah ibu bapa akan menyediakan beberapa objek pengajaran bertema seperti buah-buahan. Seterusnya, Sam akan mempelajari nama-nama objek yang dikenali dengan menggunakan gerak isyarat tangan yang mudah bersama-sama sebutan perkataan dalam suku kata kvkv. Sebagai contoh, ibu bapa akan menunjukkan gerakan tangan (sign it) seperti mengupas kulit pisang pada pada pisang sambil menyebut (say it) pi sang. Kemudian, ibu bapa akan memberi peluang kepada Sam untuk *sign*

it menggunakan gerakan visual yang mudah diingati bagi objek seterusnya sambil membuat sebutan dengan bimbingan ibu bapa.

Disamping itu, bagi domain perkembangan fizikal iaitu motor kasar dan halus, aktiviti intervensi yang sesuai ialah **mengapungkan belon ke udara**. Hal ini kerana, kanak-kanak Sindrom Down mempunyai masalah otot yang mudah liut contohnya hypotonia atau hipermobiliti yang menyebabkan mereka sukar untuk melakukan pergerakan fizikal secara normal. Sehubungan itu, **fungsi aktiviti** ini untuk mengembangkan kemahiran motor kasar menerusi keseimbangan tubuh badan semasa mengapungkan belon ke udara dan kemahiran motor halus semasa menggunakan jari jemari untuk menolak belon keatas. Selain itu, aktiviti ini berperanan mengawal postur badan yang betul serta menguatkan penyelarasan otot utama seperti bahu, lengan, kaki dan betis kanak-kanak untuk pergerakan yang tepat. Menerusi aktiviti ini, Sam akan melompat, berlari dan bergerak zigzag mengikut belon. Aktiviti ini memainkan peranan penting dalam melatih cara mendarat dengan kedua-dua atau satu kaki dengan seimbang serta mengawal koordinasi pergerakan tubuh badan ke kiri atau kanan. Pergerakan seperti berlari dan melompat ini turut dikenali sebagai aktiviti *weight-bearing* akan menggunakan daya otot serta graviti yang memberi tekanan kepada tulang. Tekanan yang sesuai pada anggota badan kanak-kanak semasa beraktiviti ini berfungsi membina lebih banyak sel dan menjadikan tulang kanak-kanak Sindrom Down lebih kuat untuk perkembangan fizikal.

Langkah pelaksanaan aktiviti ini ialah ibu bapa akan meniup dua belon dengan saiz yang sederhana. Belon akan dilambungkan ke udara. Ibu bapa dan Sam akan cuba mengapungkan belon agar kekal diudara dan tidak jatuh terkena pada lantai. Ibu bapa juga akan bergilir mengapungkan belon seperti belon merah dilontarkan ke udara oleh ibu bapa manakala belon biru dilontarkan oleh Sam. Kemudian Sam perlu berlari dan bertukar tempat dengan ibu bapa untuk mengapungkan belon merah dengan lebih tinggi dan sebaliknya untuk ibu bapa. Ibu bapa akan menunjukkan pergerakan melopmat dan berlari agar Sam membuat peniruan yang sama.

Kesimpulannya, terdapat tiga aktiviti intervensi yang sesuai untuk kanak-kanak Sindrom Down seperti Sam yang berusia dua tahun iaitu aktiviti mengenalpasti ekspresi wajah, *sign it and say it* dan aktiviti mengapungkan belon ke udara. Setiap aktiviti ini memberi fokus kepada perkembangan komunikasi, kognitif dan fizikal bertujuan meningkatkan kefungsian hidup serta mengurangkan masalah kelewatan pembelajaran sebelum trasnsisi ke sekolah.